

e-MAJALAH

# DARUL ULUM

## MALAYSIA

NO. KELUARAN : 06/01/04/2022 | RAMADAN 1443H | APRIL 2022M

Kejayaan Dalam Agama

*Syaitan dirantai?*

Mengapa masih ada maksiat

### SOAL JAWAB AGAMA

Bangun sahur tidak boleh dikira sebagai Niat puasa Ramadan

**Sayyidina Tufail Bin Amr ad-Dausiy** ﴿

sahabat yang menjadi asbab Islamnya  
Sayyidina Abu Hurairah ﷺ

### RENCANA KHAS

10 Peristiwa di dalam  
**Bulan Ramadan**

Gambar : Masjid Zahir, Kedah, Malaysia



PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM (PPM-021-14-19082020)

Alamat : No.66 Jalan 6/149J, Seri Petaling, 57000 Kuala Lumpur.

Laman web : <http://darululum.my>

Emel : dumalaysia@gmail.com

# PENDIRIAN

Dengan nama Allah ﷺ, segala puji bagi Allah ﷺ, Tuhan sekalian alam. Hanya kepadaNya kami mohon pertolongan dalam perkara dunia dan agama. Selawat dan salam buat Rasul junjungan, penutup kenabian, Nabi Muhammad ﷺ dan keluarga dan para sahabat baginda. Tidak ada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah Maha Tinggi Maha Agung.

Suka untuk kami nyatakan bahawa kami dan juga para akabir mengikut mazhab imam dari salasilah kenabian, mujtahid agung sepanjang zaman, zahid dan wali Allah, Imam Muhammad ibn Idris al-Syafi'i ﷺ, dalam perkara berkaitan fiqh. Kami mengikut mazhab para imam yang benar, Abu al-Hasan al-Ash'ari ﷺ dan Abu Mansur al-Maturidi ﷺ, dalam perkara aqidah. Salasilah kami dalam tasawuf berkesinambungan dengan kaedah suci tarekat Chistiyyah, kaedah terbilang tarekat Naqshabandiyah, kaedah murni tarekat Qadiriyyah dan kaedah yang diredai tarekat Suhrawardiyyah.

Kami tidak berbicara dalam perkara yang berkaitan dengan agama melainkan kami mempunyai bukti dari Al-Qur'an, Sunnah, ijmak para ulama atau pandangan daripada salah seorang imam mujtahid. Di samping kenyataan ini, tidak kami mengisyiharkan bahawa kami maksum dari melakukan sebarang kesalahan, sama ada kesilapan daripada coretan pena atau tutur kata. Oleh itu, jika nyata kami melakukan kesalahan dalam kenyataan kami, tidak kira sama ada ia mengenai usul atau furu, malu tidak menghalang kami daripada menarik balik pendapat kami dan mengisyiharkan kesilapan tersebut.

Oleh itu, jika para ulama berpendapat bahawa kami telah melakukan kesilapan dalam sesuatu perkara, jika kesilapan itu mengenai perkara 'aqidah, adalah perlu bagi mereka menyatakan pandangan mereka dan bukti daripada ulama 'aqidah. Jika kesilapan tersebut adalah berkenaan masalah fiqh, maka adalah perlu untuk mengemukakan hujjah daripada pandangan fuqaha. Jika sedemikian, dengan kehendak Allah, maka kami akan menerima dengan hati yang terbuka, lapang dada dan kesyukuran dari ruh dan jiwa kami.

## PRAKATA e-MAJALAH 06

Bulan Ramadan semakin menghampiri kita. Bagi para ahli agama, sejak awal-awal lagi mereka telah pun memulakan amalan untuk menyambut Ramadan dan pelbagai amalan dilakukan untuk menjadikan Ramadan tahun ini sebagai Ramadan yang terbaik. Kerana setiap orang yang beriman ternanti-nantikan kedatangan Ramadan saban tahun dan risau tidak akan ketemu dengan Ramadan yang seterusnya.

Sesungguhnya Rasulullah ﷺ dan para sahabat ﷺ telah menunjukkan contoh teladan yang sangat tinggi akan cara mengharungi bulan Ramadan ini dengan sebaik-baiknya iaitu dengan cara mengorbankan harta dan diri di jalan Allah. Sama ada di dalam medan jihad di dalam peperangan, dakwah, taklim, ibadah, tazkiyyah serta akhlak dan pelbagai lagi bentuk amalan mulia dengan bersungguh-sungguh diusahakan di dalam kehidupan mereka sepanjang bulan Ramadan.

# SIDANG REDAKSI

## Pengurus

Ustaz Lukman Bin Mohd Hasbi

## Ketua Pengarang

Abu Muhammad Thoriq

## Penulis Kehormat

Ustaz Ahmad Lutfi Bin Muharam  
Ustaz Abdul Fatah Bin Abdullah@Abas  
Ustaz Umair Bin Abdul Ghaffar  
Ustaz Abdul Rahman Bin Harman Shah Raniri  
Ustaz Wan Aswadi  
Ustaz Syauqi Bin Mohd Halim  
Fuad Akmal Bin Mohamad Zahir  
Mohd Khairi Bin Tajudin

## PENERBIT

PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM  
(PPM-021-14-19082020)  
No.66 Jalan 6/149J, Seri Petaling,  
57000 Kuala Lumpur.  
Laman web : <http://darululum.my>  
Emel : dumalaysia@gmail.com  
Tel : +6012 350 7171

## SLOGAN

### Kejayaan Dalam Agama

Agama ialah menunaikan seluruh perintah Allah ﷺ, meninggalkan seluruh larangan Allah ﷺ, dengan mengikuti cara yang ditunjukkan oleh Nabi ﷺ.

## PENAFIAN

Pihak Darul Ulum Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap artikel yang ditulis di dalam e-Majalah ini. Ia adalah hak milik penulis dan tidak semestinya menggambarkan pendirian Darul Ulum Malaysia.

## HAK CIPTA

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan apa cara jua sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada pihak kami.

# e-Majalah Darul Ulum Malaysia

## ISI KANDUNGAN

*Rencana*  
KHAS

**01**

10 Peristiwa Bulan Ramadan

*Fadilat*  
SEDEKAH

**11**

Korbankan persediaan Hari Raya  
kerana Allah

*Soal Jawab*  
AGAMA

**13**

Bangun sahur tidak boleh dikira  
sebagai Niat puasa Ramadan

*Hayatus*  
SAHABAH

**15**

Tufail Bin Amr ad-Dausiy ﷺ : Asbab  
keislaman Sayyidina Abu Hurairah ﷺ

*Wanita:*  
KISAH SAHABIAH

**21**

Sayyidatina Fatimah ﷺ :  
Reda dengan Allah dan Rasul-Nya

*Fadilat*  
RAMADAN

**23**

Jika Syaitan dirantai,  
mengapa masih ada maksiat?

## ***Hadis Fadilat Ramadhan***

Sayyidina Abu Hurairah ﷺ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, “Umatku telah diberikan dalam bulan Ramadhan lima perkara yang belum pernah diberikan kepada mana-mana umat sebelum mereka.

1. **Bau busuk mulut** orang yang berpuasa lebih harum di sisi Allah ﷺ daripada bau kasturi.
2. **Ikan-ikan di laut pun akan beristighfar** untuk mereka sehingga mereka berbuka puasa.
3. Setiap hari **Allah ﷺ akan menghiaskan syurga-Nya** dan berkata, “Telah hampir masanya hamba-hamba-Ku yang soleh akan melepaskan diri mereka daripada beban-beban (kesusahan dunia) dan akan datang kepadamu.
4. Pada bulan ini **dirantakan syaitan-syaitan yang jahat** lalu mereka tidak akan sampai kepada keburukan yang biasa mereka sampai pada bulan selain Ramadhan.
5. Mereka akan **diampunkan pada malam terakhir** Ramadhan. Rasulullah ﷺ ditanya, “Apakah malam itu Lailat ul-Qadar?” Baginda ﷺ menjawab, “Tidak, namun seseorang pekerja akan diberikan upahnya dengan sempurna setelah dia menyelesaikan kerjanya.”

(Hadis riwayat Ahmad, Bazzar dan Baihaqi)



Gambar : Masjid Wilayah, Kuala Lumpur, Malaysia

# 10 PERISTIWA BULAN RAMADAN

## NUZUL AL-QURAN

Peristiwa Nuzul al-Quran adalah peristiwa ayat al-Quran yang pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ. Peristiwa ini berlaku pada 17 Ramadan yang disebut sebagai malam Lailatul Qadar.

"Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dan yang salah." (Surah al-Baqarah, ayat 185).

Penurunan al-Quran berlaku melalui 3 peringkat :-

- Al-Quran diturunkan kesemuanya sekaligus ke Luh Mahfuz. Cara turun dan wujudnya al-Quran di Luh Mahfuz pada waktu yang tidak diketahui kecuali Allah ﷺ.
- Al-Quran diturunkan kesemuanya sekaligus dari Luh Mahfuz ke Baitul Izzah di langit dunia.
- Al-Quran diturunkan dengan perantaraan Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad ﷺ secara berperingkat-peringkat.

## KEWAFATAN SAYYIDATINA KHADIJAH ﷺ

Para muhaddisin dan para sejarawan telah sepakat mengatakan bahawa pernikahan Rasulullah ﷺ ialah dengan sebelas orang wanita. Bilangan isteri yang lebih daripada bilangan itulah yang diperselisihkan.

Perkara lain yang disepakati oleh mereka ialah Sayyidatina Khadijah ﷺ yang merupakan seorang janda ialah wanita pertama yang telah dinikahi oleh Baginda ﷺ. Umur Baginda ﷺ ketika itu ialah 25 tahun dan Sayyidatina Khadijah ﷺ pula berumur 40 tahun.

Sebanyak 6 orang putera-puteri Rasulullah ﷺ adalah hasil daripada perkongsian hidup dengan Sayyidatina Khadijah ؓ . Iaitu 2 orang anak lelaki dan 4 orang anak perempuan.

Mereka ialah Sayyidina Qasim ؓ , Sayyidina Abdullah ؓ , Sayyidatina Zainab ؓ , Sayyidatina Ruqayyah ؓ , Sayyidatina Ummu Kulthum ؓ dan Sayyidatina Fatimah ؓ .

Pada mulanya Sayyidatina Khadijah ؓ dirancang untuk dikahwinkan dengan Waraqah bin Naufal tetapi pernikahan itu tidak jadi. Selepas itu beliau telah berkahwin dengan dua lelaki lain. Ahli sejarah berselisih pendapat tentang orang yang mula-mula berkahwin dengan Sayyidatina Khadijah ؓ antara mereka berdua.

Kebanyakan mereka berpendapat bahawa pernikahan pertama Sayyidatina Khadijah ؓ ialah dengan 'Atiq bin 'Aaiz yang menghasilkan seorang puteri yang bernama Hind. Setelah dewasa, Hind telah memeluk Islam dan mendapat beberapa orang anak. Sebahagian ahli sejarah juga menulis bahawa dengan 'Atiq, Sayyidatina Khadijah ؓ juga mendapat seorang putera yang bernama Abdullah atau Abdul Manaf.

Selepas 'Atiq, Sayyidatina Khadijah ؓ berkahwin pula dengan Abu Halah. Melalui Abu Halah telah lahir anak-anak yang bernama Halah dan Hind. Kebanyakan ahli sejarah mengatakan bahawa kedua-dua mereka ialah lelaki tetapi ada juga yang mengatakan bahawa Hind ialah lelaki dan Halah ialah perempuan. Hind telah hidup sehingga zaman pemerintahan Sayyidina Ali ؓ .

Setelah Abu Halah meninggal dunia Sayyidatina Khadijah ؓ telah berkahwin dengan Nabi ﷺ . Setelah berkahwin beliau terus hidup bersama Nabi ﷺ selama dua puluh lima tahun. Beliau telah meninggal dunia pada bulan Ramadhan tiga tahun sebelum hijrah ketika berusia 65 tahun. Baginda ؓ amat mencintai beliau dan Baginda ؓ tidak bernikah dengan

mana-mana wanita lain semasa beliau masih hidup. Tahun kewafatan Sayyidatina Khadijah ﷺ dikenali sebagai Tahun Kesedihan.

Sejak sebelum Islam lagi beliau dikenali dengan gelaran 'Tahirah' yang bermaksud wanita yang suci. Oleh sebab itu, anak-anak beliau dengan suami yang lain dinamakan Bani Tahirah. Kelebihan-kelebihan beliau banyak didapati dalam kitab-kitab hadis. Sewaktu beliau meninggal dunia, Baginda ﷺ sendiri yang turun ke dalam kubur untuk mengebumikan beliau. Pada masa itu solah jenazah belum disyariatkan lagi.

## PEPERANGAN BADAR

Peperangan Badar berlaku pada 17 Ramadan tahun 2 Hijrah (624 Masihi). Tujuan asal Rasulullah ﷺ dan para sahabat ﷺ adalah untuk menyekat kafilah dagang Quraisy yang pulang dari Syam ke Makkah. Mereka yang berjumlah 313 orang itu hanya ingin mengambil semula harta mereka yang dirampas oleh kaum musyrikin Makkah. Mereka tidak bertujuan untuk berperang dengan kaum musyrikin Makkah.

Namun kafilah dagang yang diketuai oleh Abu Sufyan tersebut mendapat tahu tentang perkara itu dan telah meminta bantuan kaum musyrikin Makkah melalui utusan untuk mengawal kafilahnya dan menentang kaum muslimin yang cuba menyekat kafilahnya.

Hasilnya seramai 1000 orang tentera kaum musyrikin Makkah yang lengkap bersenjata telah datang dengan segala persediaan untuk bertempur. Mereka dilengkapi dengan kuda dan unta, baju perisai dan senjata yang lengkap. Mereka begitu yakin akan memenangi pertempuran tersebut sehingga mereka membawa penyanyi-penyanyi wanita yang memukul gendang sambil menyanyi.

Kaum muslimin yang tidak mengetahui keadaan itu terus mara dan akhirnya bertembung dengan tentera musyrikin Makkah di lembah Badar.

Rasulullah ﷺ telah berdoa kepada Allah ﷺ dan akhirnya Allah ﷺ telah menurunkan para malaikat untuk membantu kaum muslimin dan memenangi peperangan tersebut.

Pelbagai kisah tentang bantuan Allah ﷺ melalui para malaikat di dalam peperangan Badar diceritakan di dalam kitab-kitab sirah.

## KEWAFATAN SAYYIDATINA RUQAYYAH ﷺ

Puteri Rasulullah ﷺ yang kedua ialah Sayyidatina Ruqayyah ﷺ yang dilahirkan tiga tahun selepas kelahiran kakaknya Sayyidatina Zainab ﷺ iaitu ketika Rasulullah ﷺ berumur 33 tahun.

Sesetengah orang mengatakan bahawa Sayyidatina Ruqayyah ﷺ lebih tua daripada Sayyidatina Zainab ﷺ tetapi sebenarnya beliau lebih muda daripada Sayyidatina Zainab ﷺ. Beliau telah dikahwini oleh 'Utbah anak lelaki Abu Lahab yang merupakan bapa saudara Nabi ﷺ.

Apabila surah al-Lahab telah diturunkan maka Abu Lahab telah berkata kepadanya dan kepada seorang lagi saudaranya iaitu 'Utaibah yang telah berkahwin dengan puteri Rasulullah ﷺ yang ketiga iaitu Sayyidatina Ummu Kulthum ﷺ. "Haram untuk kamu berdua berjumpa denganku selagi kamu tidak menceraikan anak-anak Muhammad." Oleh sebab itu, mereka telah menceraikan isteri masing-masing. Perkahwinan mereka telah berlaku semasa mereka masih kecil dan mereka belum pun sempat bersatu.

Selepas itu, sewaktu pembukaan kota Makkah suami Sayyidatina Ruqayyah ﷺ telah memeluk Islam tetapi beliau telah lama menceraikan isterinya sebelum pembukaan kota Makkah. Lagi pun Sayyidatina Ruqayyah ﷺ telah dikahwini oleh Sayyidina Usman bin Affan ﷺ sejak beberapa lama. Sayyidina Usman ﷺ dan Sayyidatina Ruqayyah ﷺ telah menyertai kedua-dua penghijrahan ke Habsyah.

Selepas itu, apabila Rasulullah ﷺ memberitahu mereka, "Saya pun akan diperintahkan untuk berhijrah dan Madinah akan menjadi tempat penghijrahan saya." Maka para sahabat ﷺ pun telah mula berhijrah ke Madinah. Oleh sebab itulah, Sayyidina Usman ﷺ dan Sayyidatina Ruqayyah ﷺ telah tiba di Madinah sebelum ketibaan Rasulullah ﷺ lagi.

Selepas penghijrahan Baginda ﷺ, Sayyidatina Ruqayyah ﷺ telah jatuh sakit ketika Baginda ﷺ hampir keluar untuk peperangan Badar. Oleh sebab itu, Baginda ﷺ telah meninggalkan Sayyidina Usman ﷺ di Madinah untuk menjaga beliau.

Berita gembira tentang kemenangan orang-orang Islam di Badar tiba ketika para sahabat sedang pulang dari tanah perkuburan setelah pengkebumian Sayyidatina Ruqayyah ﷺ. Oleh sebab itulah, Rasulullah ﷺ tidak dapat menyertai pengkebumian beliau. Beliau berumur 22 tahun ketika kematiannya.

Disebabkan Sayyidatina Ruqayyah ﷺ tidak sempat pun bersatu dengan suaminya yang pertama maka beliau tidak mempunyai anak daripada suami pertamanya itu.

Walau bagaimanapun, melalui pernikahan dengan Sayyidina Usman ﷺ beliau mendapat seorang putera yang bernama Abdullah ﷺ. Sayyidina Abdullah ﷺ telah dilahirkan di Habsyah dan terus hidup selepas kematian ibunya dan kemudian meninggal dunia ketika berusia enam tahun pada tahun 4 Hijrah. Sebahagian ahli sejarah menulis bahawa beliau meninggal dunia setahun sebelum kematian ibunya. Selain daripada Sayyidina Abdullah ﷺ, Sayyidatina Ruqayyah ﷺ tidak mempunyai anak yang lain.

## PERNIKAHAN SAYYIDINA ALI DENGAN SAYYIDATINA FATIMAH

Pernikahan Sayyidina Ali ﷺ dan Sayyidatina Fatimah ﷺ berlaku selepas daripada perperangan Badar namun terdapat beberapa pandangan tentang bulan apa pernikahan ini berlaku iaitu sama ada pada bulan Muharram atau Safar ataupun Ramadhan.

Sayyidina Abu Bakar ﷺ dan Sayyidina Umar al-Khattab ﷺ pernah melamar Sayyidatina Fatimah ﷺ namun Rasulullah ﷺ mengatakan bahawa puteri Baginda itu masih kecil.

Apabila Sayyidina Ali ﷺ melamar Sayyidatina Fatimah ﷺ maka Rasulullah ﷺ menerima. Pernikahan ini dijalankan dengan perintah daripada Allah ﷺ.

Dikatakan bahawa sewaktu pernikahan, umur Sayyidatina Fatimah ﷺ ialah 15 tahun 5 bulan. Sementara Sayyidina Ali ﷺ pula berumur 21 tahun 5 bulan atau pun 24 tahun 1 setengah bulan. Kemudian setelah 7 bulan 15 hari berlalu Sayyidina Ali ﷺ telah bersatu dengannya.

Sayyidina Ali ﷺ telah berniat untuk berkahwin lagi dengan seorang wanita iaitu anak perempuan Abu Jahal. Sayyidatina Fatimah ﷺ bersedih dan telah mengadu kepada Rasulullah ﷺ tentang perkara itu.

Baginda ﷺ bersabda, “Fatimah ialah sebahagian daripadaku, sesiapa yang menyedihkannya maka dia telah menyediahkan daku.” Oleh sebab itu, Sayyidina Ali ﷺ tidak berkahwin dengan wanita lain semasa Sayyidatina Fatimah ﷺ masih hidup.

Setelah kematian Sayyidatina Fatimah ﷺ barulah Sayyidina Ali ﷺ berkahwin dengan anak saudara beliau yang bernama Sayyidatina Umamah ﷺ iaitu anak kepada Sayyidatina Zainab ﷺ (puteri sulung Rasulullah ﷺ).

Dikatakan bahawa Sayyidatina Fatimah ﷺ sendiri telah berwasiat, “Selepas kematianku, kawinkanlah anak saudaraku dengan Ali.”

## **PEMBUKAAN KOTA MAKKAH**

Fathul Makkah atau Pembukaan Kota Makkah berlaku setelah musyrikin Makkah melanggar perjanjian Hudaibiyyah. Setelah rundingan dibuat, musyrikin Makkah membuat keputusan untuk bertempur dengan umat Islam.

Peristiwa ini berlaku pada bulan Ramadan tahun 8 Hijriah (629-630 Masehi). Rasulullah ﷺ bersama 10,000 para sahabat memasuki kota Makkah dalam keadaan aman.

Jemaah umat Islam dibahagikan kepada 4 dan mereka masing-masing masuk ke dalam kota Makkah melalui 4 arah. Keempat-empat pasukan tersebut diketuai oleh :-

- Rasulullah ﷺ
- Khalid al-Walid ﷺ
- Zubair bin Awwam ﷺ
- Qais bin Saad bin Ubadah ﷺ

Tiada sebarang penentangan dari pihak musyrikin Makkah berlaku melainkan penentangan kecil di sebelah selatan yang menentang jemaah yang diketuai oleh Khalid al-Walid ﷺ

Apabila Rasulullah ﷺ masuk ke kota Makkah, ramai dalam kalangan musyrikin Makkah yang ketakutan. Rasulullah ﷺ membuat pengumuman jaminan keselamatan bagi mereka yang masuk ke dalam 3 tempat :-

- Masuk ke dalam rumah Abu Sufyan
- Masuk ke dalam Masjidil Haram
- Masuk ke dalam rumah sendiri

Rasulullah ﷺ memasuki kota Makkah dengan penuh kesyukuran dan rendah diri kepada Allah ﷺ. Baginda membuat tawaf dan bersolat sunat di Makam Nabi Ibrahim dan kemudiannya menyuruh Bilal ﷺ melaungkan azan.

## PENGHANCURAN BERHALA DI KAABAH

Setelah membuka Makkah, Rasulullah ﷺ bersama-sama para sahabat ﷺ telah memusnahkan kesemua lebih kurang 360 berhala-berhala yang ada di sekeliling Kaabah.

Baginda ﷺ telah memukul berhala-berhala itu dengan tongkat yang ada di tangan Baginda ﷺ sambil membaca ayat-ayat suci al-Quran iaitu ayat 81, surah al-Isra' dan ayat 49, surah Saba'.

Kemudiannya Rasulullah ﷺ mengamanahkan para sahabat ﷺ untuk memusnahkan berhala-berhala yang ada di sekitar Kaabah. Antaranya seperti Khalid al-Walid ﷺ, Amru al-As ﷺ dan Sa'ad ibnu Zaid al-Asyhalī ﷺ.

## KEWAFATAN SAYYIDATINA FATIMAH ؓ

Sayyidatina Fatimah ؓ adalah puteri Rasulullah ﷺ yang keempat dan merupakan ketua bagi seluruh wanita di dalam syurga.

Kebanyakan ahli sejarah berpendapat bahawa beliaulah puteri Rasulullah ﷺ yang bongsu. Beliau telah dilahirkan selepas setahun Baginda ﷺ menjadi nabi iaitu ketika Baginda ﷺ berumur 41 tahun.

Sebahagian mereka menulis bahawa beliau dilahirkan lima tahun sebelum kenabian Baginda ﷺ iaitu ketika Baginda ﷺ berusia 35 tahun.

Dikatakan bahawa beliau telah dinamakan dengan nama tersebut berdasarkan ilham ataupun wahyu yang bermakna "sekat" iaitu beliau tersekat (terpelihara) daripada neraka Jahannam.

Daripada kalangan puteri-puteri Rasulullah ﷺ beliaulah yang paling dikasihi oleh Baginda ﷺ. Apabila Baginda ﷺ hendak keluar untuk bersafar, beliaulah orang yang paling akhir ditemui dan apabila Baginda ﷺ pulang beliaulah yang pertama sekali ditemui oleh Baginda ﷺ.

Selepas enam bulan kewafatan Rasulullah ﷺ, Sayyidatina Fatimah ؓ telah jatuh sakit. Pada suatu hari, beliau berkata kepada hamba perempuannya, “Sekarang saya ingin mandi, sediakanlah air.” Selepas itu beliau telah mandi dan kemudian memakai pakaian baru. Kemudian beliau berkata, “Letakkan katilku di bahagian tengah rumah.” Lalu beliau telah berbaring di atas katil itu dengan menghadap ke arah qiblat sambil meletakkan tangan kanannya di bawah pipi lalu berkata, “Sekarang saya akan mati.” Setelah berkata demikian beliau pun meninggal dunia.

Daripada beliaulah keturunan Rasulullah ﷺ bermula dan InsyaAllah akan terus berkembang hingga ke hari kiamat.

## KEWAFATAN SAYYIDINA ALI ؓ

Sayyidina Ali bin Abi Talib ؓ adalah salah seorang daripada para sahabat Rasulullah ﷺ yang unggul. Beliau juga salah seorang daripada empat orang Khulafa ar-Rasyidin iaitu khalifah yang keempat.

Beliau adalah sepupu Rasulullah ﷺ (anak kepada Abu Talib) dan kemudiannya menjadi menantu Rasulullah ﷺ setelah bernikah dengan puteri kesayangan Rasulullah ﷺ iaitu Sayyidatina Fatimah ؓ).

Beliau adalah antara orang yang terawal memeluk Islam dan menjadi orang pertama yang memeluk Islam dalam kalangan kanak-kanak.

Beliau juga termasuk di dalam senarai 10 orang yang mendapat khabar gembira akan memasuki syurga (asyarah mubasyarah).

Beliau menunjukkan keteguhan iman yang sejati apabila beliau menggantikan Rasulullah ﷺ di tempat tidur Baginda ﷺ pada malam hijrah saat ketika dikelilingi musyrikin Makkah yang telah bersiap sedia untuk membunuh Baginda ﷺ.

Beliau meninggal dunia kerana dibunuh Ibnu Muljam ketika waktu solat Subuh dalam usia 63 tahun.

## KEWAFATAN SAYYIDATINA AISYAH ﷺ

Selepas kematian Sayyidatina Khadijah ﷺ iaitu tiga tahun sebelum hijrah pada bulan Syawal di Makkah, Rasulullah ﷺ telah mengahwini Sayyidatina Aisyah ﷺ dan Sayyidatina Saudah ﷺ. Perselisihan tetap berlaku dalam kalangan perawi dalam menentukan antara mereka berdua siapakah yang dinikahi terlebih dahulu.

Pernikahan ini berlaku ketika beliau berumur 6 tahun. Beliau merupakan satu-satunya isteri Rasulullah ﷺ yang dinikahi Baginda ﷺ ketika beliau masih gadis lagi. Semua isteri yang lain dinikahi Baginda ﷺ setelah mereka menjadi janda.

Sayyidatina Aisyah ﷺ mula tinggal bersama Rasulullah ﷺ di Madinah selepas hijrah ketika beliau berumur 9 tahun.

Rasulullah ﷺ wafat ketika beliau berusia 18 tahun. Beliau sendiri meninggal dunia pada malam Selasa tanggal 17 Ramadan tahun 57 Hijrah semasa berumur 66 tahun.

Beliau sendiri mewasiatkan supaya beliau dikebumikan di perkuburan awam di tempat isteri-isteri yang lain juga dikebumikan bukannya berhampiran dengan Rasulullah ﷺ di dalam bilik. Oleh kerana itu, beliau telah dikebumikan di perkuburan Baqi'.

## Korbankan persediaan Hari Raya kerana Allah

Hadrat Waqidi ﷺ berkata bahawa saya mempunyai dua orang kawan. Seorang daripada Bani Hasyim dan seorang lagi bukan Bani Hasyim. Hubungan kami begitu rapat sehingga kami seolah-olah satu jiwa dalam tiga rangka.

Saya telah menghadapi keadaan yang sangat sempit. Hari raya semakin hampir.

Isteri saya berkata, “Dalam apa-apa keadaan pun kita boleh bersabar tetapi hari raya semakin hampir. Tangisan dan gesaan anak-anak akan meremukkan hati saya. Mereka melihat kanak-kanak lain membeli pakaian yang cantik-cantik dan barang-barang persediaan untuk hari raya sedangkan mereka ke sana ke mari dalam pakaian buruk mereka yang bercompang camping. Jika kamu dapat mengusahakan sesuatu maka usahalah untuk mendapatkannya. Keadaan anak-anak itu menyebabkan saya menjadi kasihan. Saya juga ingin menyiapkan baju-baju mereka.”

Setelah mendengar kata-kata isteri saya itu, saya telah menulis surat kepada kawan saya daripada Bani Hasyim. Dalam surat itu, saya telah menjelaskan keadaan saya.

Sebagai jawaban surat itu, beliau telah menghantar satu bungkusan yang telah ditutup rapat dan menulis bahawa di dalam bungkusan itu ada seribu dirham. Kamu gunalah wang itu.

Belum sempat saya menenangkan hati saya kerana mendapat bungkusan tersebut, saya telah menerima surat dari kawan saya yang bukan Bani Hasyim. Surat itu menyatakan keadaan yang sama seperti yang saya telah tuliskan kepada kawan Bani Hasyim itu. Lantas saya pun telah menghantar bungkusan yang tertutup rapat itu kepadanya dan kerana malu kepada isteri, saya tidak balik ke rumah.



Pada hari ketiga barulah saya balik ke rumah dan menceritakan seluruh kisah kepadanya. Dia tidak menunjukkan apa-apa kemarahan dan tidak mengadu apa-apa kepada saya bahkan dia menyukai perbuatan saya itu dan berkata, “Abang telah melakukan sesuatu yang baik.”

Dalam keadaan saya sedang berbual-bual dengan isteri saya itu, tiba-tiba kawan Bani Hashim saya datang sambil membawa bungkusan yang sama yang masih tertutup rapat.

Beliau bertanya kepada saya, “Beritahulah yang sebenarnya. Apakah hal sebenar berkaitan bungkusan ini?” Saya telah menceritakan peristiwa yang telah berlaku.

Selepas itu kawan Bani Hashim saya itu menerangkan, “Apabila surat kamu sampai kepada saya, saya hanya memiliki bungkusan ini sahaja. Langsung tidak ada benda lain. Saya terus menghantar bungkusan ini kepada kamu. Selepas itu saya telah menulis surat kepada kawan kita yang seorang lagi dan dia telah menghantar bungkusan ini sebagai jawabannya. Lantaran itu saya menjadi sangat hairan kerana bungkusan inilah yang saya telah hantar kepada kamu. Bagaimana ia boleh sampai kepada kawan kita itu? Untuk memastikan perkara inilah saya datang.”

Hadrat Waqidi ﷺ berkata, “Kami telah memberi 100 dirham daripada isi bungkusan tersebut kepada wanita tersebut dan baki 900 dirham kami bahagi-bahagikan antara kami.”

Entah bagaimana kisah ini telah sampai ke pengetahuan Khalifah Makmun ar-Rasyid. Beliau telah memanggil saya dan saya telah menceritakan kisah itu semuanya. Kemudian Makmun ar-Rasyid telah memberikan 7000 dirham. Untuk kami bertiga 2000 dirham setiap seorang dan seribu dirham untuk wanita itu.

Sumber: Kitab Fadilat Sedekah

# BANGUN SAHUR

## **tidak boleh dikira sebagai Niat puasa Ramadan**

### **Soalan:**

Adakah dengan saya bangun untuk bersahur itu sudah memadai dikira sebagai berniat puasa pada bulan Ramadan?

### **Jawapan:**

- ▶ Niat puasa mesti dilintaskan dalam hati. Tidak memadai dengan sekadar melafazkan dengan mulut tetapi tiada lintasan niat di dalam hati untuk "puasa Ramadan".
- ▶ Tidak disyaratkan untuk melafazkan niat (dengan mulut) kerana melafazkan dengan mulut hanyalah sunat.
- ▶ **Tidak memadai untuk dikira sebagai niat puasa Ramadan apabila seseorang itu bangun untuk bersahur.**
- ▶ Perbuatan bersahur itu bukanlah niat. Kerana bersahur itu adalah sejenis "perbuatan" dan tidak boleh menjadi niat.
- ▶ Walaupun semasa bangun sahur, seseorang itu ada niat "makan untuk mendapatkan kekuatan untuk berpuasa". Ini tidak memadai dikira sebagai niat puasa Ramadan.

- ▶ Meskipun dia tidak mahu makan pada masa hampir masuknya waktu Subuh kerana bimbang membatalkan puasa. Kebimbangan ini tidak memadai dikira sebagai niat puasa Ramadan.
- ▶ Perasaan-perasaan ini tidak cukup untuk mewakili niat. Selagi mana tidak terlintas di benak fikirannya untuk berpuasa dengan sifat-sifat yang dia wajib nyatakan di dalam niat.
- ▶ Yang wajib dilintaskan di dalam hati semasa berniat puasa Ramadan ialah "Qasad" dan "Ta'yin".
  - ▶ Qasad: "Sahaja aku puasa" dan Ta'yin: "Ramadan".
  - ▶ "Sahaja aku puasa Ramadan".
- ▶ Waktu niat puasa Ramadan ialah "Malam" pada setiap hari.
  - ▶ Malam: Bermula apabila masuknya waktu solat Maghrib sehingga sebelum masuk waktu solat Subuh.

Sumber: Daurah Bab Puasa kitab Fathul Muin oleh Ustaz Ahmad Lutfi Bin Muharam

## Tips:

Biasakan diri membuat niat (lintasan di dalam hati) untuk puasa Ramadan seperti yang biasa dibuat di tempat kita iaitu selepas solat Tarawih setiap hari.

Atau biasakan diri membuat niat (lintasan di dalam hati) untuk puasa Ramadan selepas solat Maghrib atau Isyak setiap hari.

Atau apabila bangun untuk bersahur sertakan lintasan di dalam hati bahawa ini adalah sahur kerana akan puasa Ramadan pagi nanti.

# TUFAIL BIN AMR AD-DAUSIY



## ASBAB KEISLAMAN SAYYIDINA ABU HURAIRAH



### Kedatangan Tufail Ke Makkah Dan Kisah Beliau Dengan Orang-Orang Quraisy

Apabila Allah ﷺ menjaga Nabi ﷺ daripada gangguan orang-orang Quraisy, maka mereka mula menakut-nakutkan orang ramai dan sesiapa sahaja orang Arab yang datang kepada mereka daripada berjumpa Nabi ﷺ.

Tufail bin Amr ad-Dausiy ﷺ menceritakan bahawa pada suatu masa beliau telah datang ke Makkah sedangkan pada masa itu Rasulullah ﷺ ada di sana. Beberapa orang pemuka Quraisy telah pergi berjumpa beliau.

Tufail ialah seorang lelaki yang baik lagi mulia, pandai bersyair dan juga seorang yang bijak. Lelaki-lelaki Quraisy itu berkata kepadanya, "Wahai Tufail, sesungguhnya kamu telah datang kepada kami sedangkan lelaki ini yang ada dalam kalangan kami telah menyusah dan meletihkan kami. Dia telah memecahbelahkan kami dan kata-katanya seumpama sihir. Dia memisahkan seseorang daripada ayahnya, daripada adik beradiknya dan daripada isterinya. Kami hanya bimbangkan akan berlaku kepada kamu dan kaummu perkara yang telah berlaku kepada kami maka kamu janganlah berbicara dengannya dan jangan kamu dengar daripadanya."

Tufail berkata, "Demi Allah, mereka terus menerus menasihatiku sehingga aku telah membuat keputusan bahawa aku tidak akan dengar apa-apa pun daripada Nabi ﷺ dan aku tidak akan bercakap-cakap dengannya hinggakan aku telah menyumbat kedua-dua telingaku dengan kapas kerana bimbang sesuatu daripada kata-katanya akan sampai ke telingaku sedangkan aku tidak ingin mendengarnya.

Pada suatu pagi aku pergi ke masjid dan aku mendapati Rasulullah ﷺ sedang berdiri bersolahan hampir dengan Kaabah. Aku pun berdiri hampir dengannya dan Allah ﷺ tetap ingin memperdengarkan kepadaku sebahagian daripada kata-kata Baginda ﷺ. Ia adalah kata-kata yang elok.

Lalu aku berkata dalam hatiku, “Ibuku akan menangisiku, sesungguhnya aku ialah seorang yang bijak, pandai selok belok syair, aku boleh membezakan kata-kata yang baik daripada yang buruk, maka apakah yang menahanku daripada mendengar apa-apa yang dikatakan oleh lelaki ini? Jika perkara yang dibawa olehnya itu baik maka aku akan menerimanya dan jika buruk aku akan meninggalkannya.

Lalu aku pun tunggu di situ sehingga Baginda ﷺ selesai bersolahan lalu pulang ke rumahnya. Aku pun terus mengekor Baginda ﷺ sehingga Baginda ﷺ masuk ke rumahnya lalu aku pun masuk berjumpa dengannya dan aku berkata, “Wahai Muhammad, sesungguhnya kaummu telah mengatakan kepadaku demikian dan demikian. Demi Allah, mereka terus menerus menakut-nakutkan daku berkenaan hal kamu sehingga aku telah menutup kedua-dua telingaku dengan kapas agar aku tidak mendengar kata-katamu. Kemudian Allah ﷺ tetap ingin memperdengarkan kata-katamu itu lalu aku mendengar kata-kata yang elok maka sekarang kamu bentangkanlah kepadaku agama kamu itu.”

Lantas Baginda ﷺ pun membentangkan kepadaku agama Islam dan membacakan kepadaku al-Quran. Demi Allah, aku tidak pernah mendengar kata-kata yang lebih elok dan sesuatu yang lebih adil daripada apa-apa yang dibentangkan oleh Nabi ﷺ.

Lalu aku terus memeluk Islam dan mengucapkan kalimah persaksian yang haq. Aku berkata, “Wahai Nabi Allah, sesungguhnya aku ialah seorang yang ditaati dalam kalangan kaumku. Aku akan pulang kepada kaumku dan aku akan dakwahkan mereka kepada agama Islam maka tuan doakanlah kepada Allah ﷺ agar Allah ﷺ menjadikan untukku suatu tanda yang boleh menjadi pembantuku dalam menghadapi mereka dalam apa-apa yang aku akan dakwahkan mereka.” Lantas Baginda ﷺ terus berdoa, “Ya Allah, jadikanlah untuk Tufail ini suatu tanda.”

## **Kepulangan Tufail ﷺ Kepada Kaumnya Sebagai Da'i Mendakwah Mereka Kepada Islam Dan Bantuan Allah ﷺ Kepadanya Dengan Suatu Tanda**

Tufail berkata, "Aku pun keluar pulang kepada kaumku sehingga aku sampai di suatu jalan di bukit yang daripada situ aku boleh nampak penduduk kampungku lalu tiba-tiba muncul cahaya seumpama pelita di dahi di antara dua mataku.

Aku berkata, "Ya Allah, jadikanlah cahaya ini di tempat lain selain wajahku, kerana aku bimbang orang-orang kampungku akan menyangka bahawa cahaya ini ialah suatu bala ke atasku kerana meninggalkan agama mereka."

Lantas cahaya itu pun berpindah ke hujung tongkatku dan penduduk kampungku dapat melihat cahaya itu di hujung tongkatku seolah-olah sebiji lampu yang tergantung sedangkan aku sedang menuruni jalan di bukit itu ke arah mereka sehingga aku sampai kepada mereka pada waktu pagi.

Apabila aku telah sampai, ayahku datang menemuiku. Beliau ialah seorang yang sudah sangat tua. Aku berkata, "Ayah, jauhkanlah diri dari saya. Ayah tiada apa-apa hubungan lagi dengan aku dan aku tiada apa-apa hubungan lagi dengan ayah." Beliau bertanya, "Kenapa?! Wahai anakku." Aku menjawab, "Aku telah memeluk agama Islam dan aku telah ikut agama Muhammad." Ayah membala, "Agamaku ialah agama kamu itu." lalu beliau pergi mandi dan menyucikan pakaianya kemudian dia datang maka aku pun membentangkan Islam kepadanya lalu beliau pun memeluk Islam.

Kemudian isteriku pula yang datang lalu aku berkata kepadanya, "Jauhkanlah dirimu daripadaku. Aku tiada apa-apa hubungan lagi dengan kamu dan kamu tiada apa-apa hubungan denganku." Isteriku bertanya, "Kenapa?! Aku rela korbankan ayah dan ibuku untukmu." Aku menjawab, "Islam telah memisahkan antara aku dan kamu." Lantas dia terus menerima agama Islam.

Aku pun mula mendakwah kabilah Daus kepada Islam namun mereka lambat menerima dakwahku."

## **Doa Nabi ﷺ Untuk Kabilah Daus Dan Keislaman Mereka Dan Kedatangan Mereka Bersama Tufail ﷺ Kepada Nabi ﷺ**

Kemudian aku datang kepada Rasulullah ﷺ di Makkah, aku berkata, “Wahai Nabi Allah, sesungguhnya Daus telah mengalahkan daku (yakni aku telah mendakwahkan mereka namun mereka tidak menerima). Tuan doalah kepada Allah akan kemasuhan mereka.”

Lantas Rasulullah ﷺ berdoa, “Ya Allah, berilah hidayat kepada Kabilah Daus.” Lalu Baginda ﷺ berkata kepadaku, “Pulanglah kepada kaummu dan dakwahlah mereka dan berlemah lembutlah kepada mereka.”

Aku pun pulang dan aku berterusan di bumi Daus mendakwah mereka kepada Islam sehingga Rasulullah ﷺ berhijrah ke Madinah dan selesai daripada peperangan Badar, Uhud dan Khandak.

Kemudian aku datang menemui Rasulullah ﷺ membawa orang-orang yang memeluk Islam bersamaku sedangkan Rasulullah ﷺ berada di Khaibar sehingga aku berhenti singgah di Madinah bersama tujuh puluh atau lapan puluh keluarga daripada Kabilah Daus.

Sayyidina Abdullah bin Abbas ؓ telah menceritakan secara terperinci kisah keislaman Tufail bin Amr ؓ dan dakwah beliau kepada ayah, isteri dan kaumnya dan kedatangan Tufail ke Makkah.

Beliau juga ada menambah bahawa Rasulullah ﷺ telah menghantar Tufail untuk membakar berhala yang bernama Zul Kaffain. Beliau juga telah pergi ke Yamamah dan beliau telah bermimpi berkenaan dengan itu dan beliau telah gugur syahid dalam peperangan Yamamah.

Dalam kitab Isobah dinyatakan daripada riwayat Ibnu Kalbi dengan perantaraan Abu Farj Isbahani bahawa apabila Tufail datang ke Makkah lalu ada beberapa orang Quraisy yang memberitahu beliau tentang dakwah Nabi ﷺ dan mereka juga telah meminta beliau pergi menguji Baginda ﷺ lalu dia pun pergi berjumpa Baginda ﷺ dan dia telah membacakan syairnya lalu Baginda Nabi ﷺ membacakan surah al-Ikhlas, al-Falaq dan an-Nas lalu Tufail memeluk Islam pada masa itu juga dan terus pulang kepada kaumnya.

Perawi juga telah menyebutkan kisah tongkat dan cahayanya. Perawi berkata, Tufail telah mendakwah kedua-dua orang ibu bapanya kepada Islam dan ayahnya telah memeluk Islam sedangkan ibunya tidak ingin menerima Islam.

Tufail juga telah mendakwahkan kaumnya lalu Abu Hurairah ﷺ seorang sahaja yang telah menerima dakwahnya itu. Selepas itu Tufail pergi berjumpa Nabi ﷺ lalu bertanya Baginda ﷺ, “Apakah tuan ingin miliki bumi Daus yang merupakan kota yang kukuh dan terpelihara?”

Tufail berkata, “Apabila Rasulullah ﷺ telah doakan hidayah untuk mereka maka aku berkata, “Aku tidak sukakan doa sebegini.” Baginda ﷺ membalas, “Sesungguhnya dalam kalangan mereka ramai lagi orang yang seumpama kamu.”

Sumber : Kitab Hayatus Sahabah, Syaikh Muhammad Yusuf Kandhalawi rahimahullah

## HAYATUS SAHABAH JILID 1A



DAPATKANNYA SEKARANG!  
**KLIK BUTANG DI BAWAH**

<https://rabih.onpay.my/order/form/hayatus-sahabah-1a>

# SELAWATNABI.COM

Laman sesawang SelawatNabi.com adalah arkib untuk menghimpunkan semua perkara yang berkaitan dengan selawat ke atas Nabi sallallahu alaihi wa sallam.

Sehingga kini terdapat 3 himpunan selawat di dalam laman web ini dan sudah boleh diakses oleh para pelawat untuk mengamalkan selawat-selawat ini. Iaitu:

1. Barakat Makkiyyah
2. Dalail ul-Khayrat
3. Ratib al-Haddad

Himpunan selawat yang lain akan ditambah dari masa ke semasa. Layari <http://selawatnabi.com> untuk mendapat akses kepada selawat-selawat ini.

# Sayyidatina Fatimah

Reda dengan Allah dan Rasul-Nya



Sayyidina Ali ﷺ berkata kepada salah seorang muridnya, “Mahukah saya ceritakan kisah saya dengan Fatimah ﷺ iaitu puteri Rasulullah ﷺ yang paling disayangi?”

Murid itu menjawab, “Sudah pasti.” Beliau pun berkata, “Fatimah ﷺ biasanya menggunakan tangannya untuk mengisar bijian yang menyebabkan tangannya menjadi kasar. Beliau juga mengisi air ke dalam bekas yang dibuat daripada kulit dan membawa bekas itu ke rumah sehingga meninggalkan kesan di dadanya akibat daripada tali bekas tersebut. Beliau sendiri menguruskan rumahnya, menyapu dan sebagainya sehingga menyebabkan pakaianya selalu kotor.

Pada suatu ketika beberapa orang hamba perempuan telah dibawa kepada Nabi ﷺ. Saya pun menyuruh Fatimah ﷺ, “Kamu pergilah kepada Rasulullah ﷺ dan minta seorang pembantu agar kamu mendapat bantuan daripadanya.”

Beliau kemudian pergi berjumpa Nabi ﷺ tetapi beliau mendapati ramai orang berada di situ. Beliau ialah seorang yang sangat pemalu. Lantaran sifat pemalunya, beliau tidak mahu meminta kepada bapanya di hadapan orang ramai walaupun itu merupakan bapanya sendiri, maka beliau pun pulang.

Pada keesokan harinya, Rasulullah ﷺ datang sendiri dan bersabda, “Fatimah, untuk tujuan apakah engkau pergi ke sana?”

Oleh kerana perasaan malu, beliau mendiamkan diri sahaja. Saya (Sayyidina Ali ﷺ) pun berkata, “Ya Rasulullah, kesan daripada batu pengisar, tangannya menjadi kasar. Kesan daripada tali bekas air, dadanya telah berparut. Sementara urusan rumahtangga yang lain menyebabkan pakaianya selalu dalam keadaan kotor. Kelmarin saya memberitahunya mengenai hamba-

hamba yang telah sampai kepada tuan, supaya dia pun dapat meminta seorang hamba. Oleh kerana itulah dia telah pergi kepada tuan.”

Dalam sesetengah riwayat yang lain Sayyidatina Fatimah ﷺ memberitahu, “Ya Rasulullah, saya dan Ali hanya mempunyai satu alas tidur, itu pun daripada kulit domba. Pada malam hari kami membentangkan alas itu dan kami tidur di atasnya dan pada waktu siang kami tabur rumput dan bijian di atasnya untuk memberi makan unta.”

Rasulullah ﷺ bersabda, “Wahai puteriku, bersabarlah. Nabi Musa ﷺ dan isterinya memiliki hanya satu alas tidur sahaja sehingga sepuluh tahun. Itu pun hanya jubah Nabi Musa ﷺ. Itulah yang dibentang dan mereka tidur di atasnya. Takutlah kepada Allah, hasilkanlah sifat taqwa dan tunaikanlah tugas dan kewajipanmu terhadap Allah ﷺ dan sempurnakanlah tugas-tugas rumah tanggamu. Apabila kamu hendak tidur maka bacalah Subhanallah tiga puluh tiga kali, Alhamdulillah tiga puluh tiga kali dan Allahuakbar tiga puluh empat kali. Amalan ini lebih baik bagi kamu daripada hamba.”

Sayyidatina Fatimah ﷺ pun berkata, “Saya reda dengan Allah dan rasul-Nya.”

Keterangan .....

Yakni saya menerima kehendak Allah dan Rasul-Nya terhadap saya dengan sukacita. Lihatlah, beginilah kehidupan puteri ketua segala rasul. Sekiranya dalam kalangan kita hari ini terdapat seseorang yang mendapat pendapatan yang lebih sedikit, isterinya bukan setakat tidak melakukan urusan rumah tangga malah urusan dirinya sendiri pun tidak akan dilakukan. Untuk ke tandas pun perlu ada orang yang berkhidmat kepadanya.

Dalam kisah ini perkara yang disebutkan hanyalah zikir ketika hendak tidur. Dalam hadis yang lain disebutkan juga mengenai membaca tasbih-tasbih ini setiap kali selepas solah fardu. Tiga puluh tiga kali bagi setiap kalimah di atas dan sekali,

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

# Jika Syaitan dirantai

## mengapa masih ada maksiat?

Salah satu keistimewaan Ramadan ialah penangkapan syaitan-syaitan yang sangat jahat. Lantaran penangkapan ini, kekuatan dorongan maksiat akan berkurangan.

Disebabkan mencerah-curahnya rahmat dan banyaknya ibadat yang dilakukan dalam bulan Ramadan, sudah tentu syaitan akan berusaha sedaya dan sekeras mungkin untuk menyesatkan sehingga maksiat juga sepatutnya akan bertambah pada bulan ini tanpa had lagi.


Namun demikian, keadaan sebaliknya yang berlaku. Kita dapat saksikan dan dapat dipastikan secara keseluruhannya bahawa perlakuan dosa akan sangat berkurangan. Berapa ramai kaki arak yang tidak lagi minum arak semata-mata kerana Ramadan dan demikian juga dengan dosa-dosa yang lain. Perlakuan secara terbuka akan berkurang.

Walaupun demikian perlakuan-perlakuan dosa masih tetap wujud. Namun kewujudannya tidak menimbulkan apa-apa persoalan terhadap kandungan hadis, kerana hadis itu menyatakan bahawa syaitan-syaitan yang sangat jahat sahaja akan dirantaikan. Maka tidak hairanlah kalau dosa-dosa itu adalah kesan daripada syaitan yang biasa.

Dalam riwayat yang lain hanya disebutkan syaitan-syaitan, tanpa dikhurasukan kepada syaitan yang sangat jahat. Walau bagaimanapun, syaitan-syaitan yang dimaksudkan itu merujuk kepada syaitan-syaitan yang sangat jahat. Ini adalah kerana kadang-kadang sesuatu itu disebutkan secara umum di satu tempat sedangkan pengkhususan terhadap perkara itu disebut di tempat yang lain pula. Oleh kerana itu, tiada lagi apa-apa kesangsian terhadap hadis tersebut.

Sekiranya semua riwayat itu membawa maksud bahawa semua syaitan akan dirantaikan, maka keadaan maksiat yang masih juga berlaku tidak sepatutnya mencurigakan kita (terhadap hadis tersebut).

Ini adalah kerana, walaupun secara umum perbuatan maksiat adalah kesan daripada hasutan syaitan tetapi disebabkan sepanjang tahun kita telah bersama dan bergaul dengan syaitan, maka kesan hasutannya yang beracun itu telah sebat dengan diri seseorang.



Nafsu kita telah sebat dengan hasutan itu sehingga ketiadaan syaitan buat seketika tidak terasa lagi. Bahkan hasutan-hasutan itu telah menjadi tabiat kita sendiri. Inilah sebabnya kita dapat orang yang banyak melakukan dosa-dosa di luar Ramadan, mereka jugalah yang melakukan dosa-dosa itu apabila tiba bulan Ramadan. Oleh kerana nafsu seseorang itu sentiasa bersama syaitan maka kerana itulah kesan hasutannya pun berkekalan (walaupun syaitan telah dirantai).

Di sini terdapat satu ulasan lagi. Nabi ﷺ bersabda, “Apabila seseorang itu melakukan satu dosa maka satu titik hitam akan terlekat pada hatinya. Jika dia benar-benar bertaubat maka titik hitam itu akan hilang. Jika tidak, titik hitam itu akan terus kekal. Apabila dia melakukan dosa untuk kali yang kedua maka titik kedua akan melekat pada hatinya dan seterusnya sehingga seluruh hatinya akan menjadi hitam. Kemudian perbuatan yang baik tidak lagi masuk ke dalam hatinya.”

Terhadap perkara inilah Allah ﷺ telah berfirman dalam al-Quran.

“Sekali-kali tidak (demikian). Sebenarnya apa-apa yang selalu mereka usahakan itu menutup hati mereka.” (al-Mutaffifin: 14)

Dalam keadaan itu hati sendiri akan condong ke arah dosa-dosa tersebut. Inilah sebabnya, ramai orang yang begitu mudah melakukan satu maksiat tetapi apabila diajukan kepadanya satu maksiat lain yang sama besar maka hatinya menolak.

Contohnya mereka yang meminum arak, kalau mereka disuruh makan daging khinzir maka perasaan mereka menolak sedangkan kedua-duanya adalah sama dari segi dosa. Demikianlah juga, apabila di luar Ramadan dia selalu melakukan dosa-dosa maka hatinya telah diliputi dengan dosa-dosa itu yang menyebabkan pada bulan Ramadan pun dosa-dosa itu dilakukan tanpa diperlukan lagi syaitan-syaitan (untuk menghasutnya).

Ringkasnya, maksud hadis tersebut ialah walaupun semua syaitan dirantai tetapi jika berlaku juga dosa-dosa dalam bulan Ramadan sebenarnya tidak menimbulkan apa-apa kesangsian. Lebih-lebih lagi jika hanya syaitan-syaitan yang sangat jahat dan paling celaka sahaja yang dirantai, maka sudah tentu tidak ada apa-apa kesangsian langsung.

Dalam bulan Ramadan, sama ada untuk melakukan kebaikan atau untuk menjauhi kejahanatan tidak memerlukan usaha yang kuat seperti di luar bulan Ramadan. Setiap orang boleh memikirkan dan mencubanya. Sedikit kesungguhan dan tawajjuh sudah mencukupi.

Hadrat Maulana Shah Muhammad Ishaq ﷺ pula berpendapat bahawa kedua-dua hadis tersebut digunakan untuk orang yang berlainan. Iaitu untuk orang-orang yang fasik syaitan yang sangat jahat akan dirantai sementara untuk orang-orang soleh semua syaitan akan dirantai.

Sumber: Fadilat Amal, Fadilat Ramadan.

# **'AJWAH MADINAH**

"Sesiapa yang memakan 7 biji kurma 'Ajwah pada waktu pagi, tidak akan memberi mudarat sebarang racun mahupun sihir kepadanya pada hari tersebut." (Bukhari & Muslim)

"Kurma 'Ajwah itu berasal daripada syurga, dan ia merupakan penawar daripada racun."  
(Ahmad, Tirmizi & Ibnu Majah)


1kg RM60 sahaja.

KLIK DI SINI  
UNTUK MEMBUAT TEMPANAH

014-2679755




## Kitab Bada'i uz-Zuhur - Amalan-Amalan Mustajab



Klik di sini untuk mendapatkannya

- Karangan Syaikh Ahmad al-Fathoni, guru kepada Syaikh Tok Kenali.
- Penuh dengan mutiara dan keajaiban amal dan rahsia pertolongan Ilahi.
- Sesuai dijadikan kitab muzakarah.
- Amalan perkongsian dengan pelajar.
- Keberkatan yang Allah bagi pada kitab dan pengarangnya.
- Amalan-amalan mustajab ulama warisan ulama Mekah kita.
- Amalan warisan amalan turun temurun yang nusantara.
- Wirid-wirid solat yang diamalkan diseluruh nusantara.
- Pegangan para imam dan penanggungjawab masjid.
- Satu khazanah yang perlu disimpan oleh kita dan anak cucu kita buat bekalan di akhirat.

## Kitab Adab Pelajar - Disertakan bersama sifat-sifat Ulama Akhirat



Klik di sini untuk mendapatkannya

Kitab Adab Pelajar ini adalah Nasihat-Nasihat Maulana Asyraf Ali Thanwi Rahmatullahi 'alaihi yang berkait rapat dengan adab kehidupan pelajar pada masa kini. Kitab ini sangat sesuai dimiliki oleh setiap pelajar, sama ada dari jurusan agama ataupun dari jurusan lain. Banyak topik-topik yang sangat menarik dibahaskan di dalam kitab ini diantaranya:-

- Kepentingan Hak-Hak Guru Dan Pelajar
- Hormat Dalam Percakapan
- Bagaimana Mendapat Berkat Dalam Ilmu
- Guru Bukan Islam Juga Terhormat
- Perbezaan Pendapat Diantara Guru-Guru Dan Orang Lama
- Tidak Memuliakan Ustaz Menyebabkan Ternafinya Ilmu
- Adab-Adab Di Hadapan Ustaz
- Adab Dalam Majlis Dan Kelas
- Jika Ustaz Melakukan Kesilapan
- Hormat Terhadap Perantaraan Ilmu Seperti Kertas, Pen, Dakwat Dan Sebagainya.
- Kepentingan Mutala'ah
- Sebab-Sebab Ingatan Kita semakin Lemah
- Sifat-Sifat Ulama' Akhirat



# HARTA YANG TERSIMPAN

---

## IALAH YANG TELAH DIINFAQKAN

---

Sayyidatina Aisyah ﷺ meriwayatkan bahawa pada suatu ketika ahli keluarga atau para sahabat telah menyembelih seekor kambing (dan telah membahagi-bahagikan sebahagian daripadanya).

Rasulullah ﷺ bertanya, “Berapa banyak yang berbaki?” Sayyidatina Aisyah ﷺ menjawab, “(Semua telah dibahagi-bahagikan) kecuali paha depannya.” Lantas Baginda ﷺ membalas, “Semua masih berbaki kecuali pahanya.”

(Misykat: Tirmizi)

### Keterangan

Maksud sabdaan Baginda ﷺ itu ialah, “Pada hakikatnya apa-apa yang telah diinfaqkan kerana Allah ﷺ itu tersimpan dan kekal yakni pahalanya akan kekal. Sebaliknya apa-apa yang tidak diinfaqkan maka ia akan binasa. Belum tentu adakah ia akan dibelanjakan untuk tempat yang kekal ataupun tidak.”

Dinyatakan dalam sebuah hadis bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, “Manusia berkata ini hartaku, ini hartaku. Keadaan sebenarnya tidak lebih daripada hartanya hanyalah apa-apa yang dia telah makan sehingga habis, apa-apa yang dia telah pakai sehingga lusuh atau pun apa-apa yang dia telah infaqkan lalu menjadi simpanan untuknya di akhirat. Selain daripada itu apa-apa sahaja yang berbaki ialah benda-benda yang akan binasa yang dia akan tinggalkannya untuk orang lain.”

Sumber : Kitab Fadilat Sedekah, Bab Pertama : Fadilat Infaq

### KEMPEN INFAQ RM10/BULAN KEPADA DARUL ULUM MALAYSIA

Rasulullah ﷺ bersabda, "Sedekah menolak 70 macam bala dan bencana dan yang paling ringan ialah penyakit kusta dan sopak." (Riwayat al-Baihaqi dan al-Tabarani).

Darul Ulum Malaysia diasaskan untuk memudahkan perkongsian ilmu dan aktiviti madrasah, menjalin ukhuwwah, ulfah dan mahabbah sesama ulama, warga madrasah, masyarakat awam, ibu bapa, pelajar dan pencinta ilmu. Anda boleh melihat perjalanan aktiviti Darul Ulum Malaysia di <http://darululum.my>

Kami menjemput para hartawan dan umat Islam umumnya untuk menginfaqkan RM10/bulan kepada pihak Darul Ulum Malaysia untuk meneruskan aktiviti-aktiviti seterusnya.

Infaq terus secara online melalui pautan berikut:  
<https://rabih.onpay.my/order/form/infaq> (sila klik)

Untuk urusan mendapatkan resit sumbangan sila rujuk:  
Nama Akaun : Pertubuhan Amal Darul Ulum  
14238010008853 (Bank Islam)  
Emel: dumalaysia@gmail.com



## Darul Ulum Malaysia

<http://darululum.my>

### Infaq Darul Ulum Malaysia

Nama Bank : BANK ISLAM

Nama Akaun : PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM

No. Akaun : 14238010008853

Emel: dumalaysia@gmail.com

Infaq terus secara online melalui pautan berikut:  
<https://rabih.onpay.my/order/form/infaq> (sila klik)

Rasulullah ﷺ bersabda: “Amalan yang paling dicintai oleh Allah ﷺ adalah amalan yang berterusan walaupun jumlahnya sedikit.” (Bukhari)